

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH  
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI MOHD [BEAUFORT]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan:**

- a. Apakah pelan cadangan Kementerian untuk melibatkan kerjasama yang jitu dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi membangunkan kawasan-kawasan pengeluaran makanan; dan
- b. Adakah Kementerian sudah mengenalpasti tempat atau daerah yang akan dibangunkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di- Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membentuk kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam membangunkan kawasan-kawasan pengeluaran makanan di negeri Sabah melalui pelbagai platform sedia ada. Antaranya, melalui mesyuarat berkala antara YB Menteri MAFI dengan Exco-Exco Pertanian Negeri yang dihadiri YB Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah (MAF Sabah), serta kerjasama antara Jabatan dan Agensi di bawah MAFI bersama MAF Sabah.

Pembangunan kawasan pengeluaran makanan di Sabah telah dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun bermula pada tahun 2006 melalui program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan akan terus dipergiatkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Dari segi perancangan kawasan pengeluaran makanan, lima (5) buah TKPM dengan keluasan keseluruhan sebanyak 508 hektar telah dikenalpasti untuk dibangunkan. TKPM tersebut termasuk TKPM Sg. Koyah, Kinabatangan Fasa 2 (80 hektar), TKPM Limbuak Banggi Kudat (100 hektar), TKPM Ulu Bole Sipitang (200 hektar), Mini TKPM Ulu Bongawan (28 hektar) dan TKPM Serudong, Kalabakan (100 hektar).

Selain itu, MAF Sabah melalui Jabatan Pertanian Sabah juga merancang untuk menjadikan Keningau sebagai "*Fruit Valley of Sabah*" melalui pewujudan TKPM Apin-Apin Keningau pada tahun 2022 dengan permohonan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. TKPM ini akan menumpukan kepada aktiviti pengeluaran buah-buahan jenis jangka masa singkat dan bernilai tinggi seperti tembikai dan tembikai susu serta penanaman nanas MD2 yang akan matang dalam tempoh 12 bulan ke 14 bulan. Tanaman ini mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan dan negara Brunei.

## SOALAN NO: 31

Selain daripada Program TKPM, Jabatan Pertanian Sabah juga melaksanakan Program Pembangunan Komoditi Tanaman melibatkan sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai tinggi seperti durian, kelapa dan kopi. Pelaksanaan program ini menyasarkan beberapa daerah di seluruh Sabah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Kolaborasi bersama Kerajaan Negeri Sabah akan terus diberikan tumpuan dan fokus oleh Kerajaan Persekutuan melalui MAFI dalam meningkatkan kemampuan pengeluaran makanan tempatan melalui pelbagai strategi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Sekian, terima kasih.